



Buletin Inovasi

JABATAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU



PERBINCANGAN BERSAMA KUMPULAN PEAK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN SABAH

Perbincangan ini telah diadakan pada 14 Mac 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI) . Objektif perbincangan ini ialah untuk mendapatkan maklumat yang telah terperinci berkenaan projek kumpulan PEAK iaitu Projek Penjana Elektrik Air Kumbahan. Daripada pihak JPI, pegawai yang telah hadir adalah En. Zainuddin Abd Goyoh, Pengarah Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, staf Bahagian Pembudayaan Inovasi dan pegawai-pegawai daripada Jabatan Kejuruteraan, DBKK. Kumpulan PEAK telah membentangkan projek mereka dimana projek ini juga telah dipertandingkan untuk kategori Reka Cipta , Anugerah Inovasi Mayor 2023.



PERBINCANGAN BERSAMA JABATAN PEMBANGUNAN MANUSIA, DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

Perbincangan ini telah diadakan pada 15 Mac 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Jabatan Pengurusan Harta, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Objektif perbincangan ini ialah untuk membincangkan cadangan agar elemen inovasi dimasukkan di dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) staf DBKK. Cadangan ini adalah daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi DBKK Bil.3/2023 pada 29 November 2023. Perbincangan ini telah dihadiri oleh Encik Zainuddin Abd Goyoh, Pengarah Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, DBKK dan Puan Faradillah Haji Abdul Rani, Pengarah Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, DBKK dan turut dihadiri oleh staf Bahagian Pembudayaan Inovasi dan staf Bahagian Saraan, Pencen dan Kemudahan, JPSM.

TAHUKAH ANDA?




Sejarah kamera bermula lama sebelum pengenalan fotografi, namun kedua-duanya saling berkait rapat. Ia berevolusi daripada fenomena kamera *obscura*. Melalui peredaran zaman, pelbagai teknologi telah dicipta sehingga ciptaan kamera digital seperti yang kita gunakan hari ini.

Kamera *obscura*, sering dikenali sebagai kamera *pinhole* atau lubang jarum, ialah alat asas yang sering dianggap sebagai kamera kontemporari.

Istilah Latin *obscura* yang diguna di dalam penjelasan kamera *obscura* bermaksud ruang gelap di dalam bilik atau kotak dan mempunyai bukaan kecil di salah satu daripada empat dinding. Cahaya yang masuk melalui lubang kecil akan memancarkan imej pada arah yang bertentangan.

Sumber rujukan : Laman sesawang Science World



Ilustrasi pengcahayaan kamera *obscura*

